

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21 / 05 / 2008

Hormati keputusan Tun M

Surat 1

PADA saya tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad keluar daripada UMNO adalah bersifat peribadi dan tujuannya juga ada kaitan dengan peribadi.

Tentu tindakan itu mengejutkan. Beliau adalah pemimpin yang amat dikagumi, berkaliber dan banyak berjasa kepada negara terutama sepanjang menjadi Perdana Menteri.

Beliau juga disegani kawan dan lawan serta dihormati oleh dunia luar terutama sekali negara-negara Islam dan negara

membangun.

Sebagai seorang bekas pemimpin yang unggul tidak sepatutnya beliau tergesa-gesa membuat keputusan keluar daripada UMNO.

Pada saya, keputusan Dr. Mahathir ambil itu tidak praktikal dan hanya menjejaskan nama baik Dr. Mahathir sendiri.

Itulah masalahnya pemimpin-pemimpin negara di rantau ini apabila terlalu lama memegang jawatan tertinggi dalam

UM - 21/5/2008.
Keputusan Dr. Mahathir ambil itu tidak praktikal dan hanya menjejaskan nama baik beliau sendiri

kerajaan atau parti, mereka terasa seolah-olah kuasa masih berada di tangan dan walaupun sudah tidak menjadi pemimpin lagi masih menganggap bahawa negara yang pernah mereka terajui, perlukan kepimpinan cara mereka selama-lamanya.

Sikap seperti inilah menjadikan parti dan rakyat di rantau ini dalam keadaan serba salah sepanjang masa jika ada bekas pemimpin yang tidak reda menerima haki-

kat sebenar.

Walau bagaimanapun seluruh rakyat masih menghormati Dr. Mahathir sebagai negarawan dan wira kerana beliau banyak berjasa kepada negara hingga kita dapat menikmati kemakmuran dan keamanan sepanjang kepimpinannya.

Jasa beliau tidak ternilai. Maka apa pun kita wajar menghormati keputusannya itu. Diharap kita masih kekalkan penghormatan yang diberikan kepada beliau.

**SYED ABDULLAH
OSMAN JAMALULLAIL
Ampangan, Seremban.**